

KANDUNGAN LIPUTAN HARIAN BULAN APRIL 2022

BIL.	TARIKH	TAJUK BERITA	MUKA SURAT
1.	01.04.2022	Ambrin Keberatan Kongsi Pandangan isu 1MDB	2
2.	02.04.2022	Premium Outlet Perak Jadi Projek Gajah Putih?	3
3.	07.04.2022	Bekas Pengarah ICU JPM Pulau Pinang Kekal Dipenjara	
4.	07.04.2022	Pegawai JPJ Minta Rasuah Dijel 14 Hari, Denda RM17,500	4
5.	14.04.2022	Ambrin Ada Kuasa Penuh Sedia Laporan Audit 1MDB	5
6.	18.04.2022	Projek LCS: Malaysia Perlu Runding Segera	6
7.	27.04.2022	RM5 Billion Selenggara Kerosakan Banjir - PM	7

Utusan Malaysia | 1 April 2022 | Page 8

Ambrin keberatan kongsi pandangan isu 1MDB

Oleh JUANI MUNIR ABU BAKAR
juani.bakar@mediarumah.com.my

KUALA LUMPUR: Bekas Ketua Audit Negara, Tan Sri Dr. Madinah Mohamad memberitahu Mahkamah Tinggi di sini semalam bahawa Tan Sri Ambrin Buang dilihat keberatan berkongsi pandangan membabitkan isu berkaitan 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Saksi pendakwaan ke-12 itu maklumkan, beliau bertemu Ambrin selepas dilantik sebagai Ketua Audit Negara pada 2017 kerana mahu memahami pandangannya kerana membabitkan kepentingan negara selain mendengar sama ada terdapat amaran yang hendak disampaikan kerana pada waktu itu tidak majlis penyerahan jawatan.

Ambrin adalah Ketua Audit Negara sebelum Madinah dilantik memegang jawatan itu.

"Pada waktu itu, isu 1MDB hangat diperkatakan dan orang menyatakan bahawa Jabatan Audit Negara menyediakan laporan dan diajukan kepada saya.

"Jadi, saya mahu memahami pendirian Ambrin mengenai hal

“Saya bertanyakan apa yang terdapat dalam laporan itu, terutama yang mengaitkan Perdana Menteri. Ambrin beritahu tidak boleh sahkan.”

DR. MADINAH MOHAMAD

ini tetapi beliau agak keberatan untuk berkongsi. Saya rasa beliau tidak mahu berkongsi.

"Saya bertanyakan apa yang terdapat dalam laporan itu, terutama yang mengaitkan Perdana Menteri dan apakah pembabitan Perdana Menteri. Ambrin beritahu tidak boleh sahkan," katanya pada perbicaraan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan bekas Ketua Pegawai Ekse-

kutif (CEO) 1MDB, Arul Kanda Kandasamy dalam kes pindaan terhadap laporan akhir pengauditan 1MDB.

Peguam Najib, Tan Sri Dr. Muhammad Shafee Abdullah kemudian mencadangkan bahawa Madinah tidak pernah bersempuka dengan Ambrin untuk mendapatkan penjelasan mengenai dua versi laporan audit 1MDB, namun saksi itu menjelaskan beliau percaya tiada keperluan berbantahan demikian.

Bagaimanapun, Madinah tidak bersetuju dengan cadangan peguam itu bahawa beliau tidak bertindak adil dan jujur kerana tidak membawakan perkara berkenaan untuk perhatian Najib.

Saksi itu juga tidak bersetuju dengan cadangan beliau tidak berbuat demikian kerana ia ada kaitan dengan tempoh perkhidmatannya sebagai Ketua Audit Negara.

Muhammad Shafee kemudian mencadangkan, beliau berjumpa bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk melindungi jawatan itu dan mahu menjadi seperti Timbalan Pengarah Audit ketika itu, Datuk


Nor Salwani Muhammad yang sebelum ini memberikan keterangan bahawa beliau meletakkan perakam suara dalam bekas pensel tanpa pengetahuan sepias ketika mesyuarat penyelarasan Laporan Pengauditan 1MDB pada 2016.

Najib, 68, didakwa menggunakan kedudukannya untuk mengarahkan pindaan dilakukan terhadap laporan akhir pengauditan 1MDB sebelum dibentangkan kepada PAC untuk mengelakkan sebarang tindakan diam�il terhadapnya.

Arul Kanda, 45, pula didakwa bersubuh dengan Najib dalam membuat pindaan berkenaan bagi melindungi Ahli Parlimen Pekan itu daripada tindakan tatatertib, sivil atau jenayah berkaitan 1MDB.

Kedua-dua mereka didakwa mengikut Seksyen 23(1) dan 24(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia yang memperuntukkan hukuman penjarा maksimum 20 tahun dan denda lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

2 APRIL 2022 | MUKA SURAT : 12



PEMANDANGAN dari udara Premium Outlet Perak yang masih belum beroperasi di Batu Gajah di sini.

Premium Outlet Perak jadi projek gajah putih?

Oleh SAYED HESHAM IDRIS
utusannews@mediamulia.com.my

BATU GAJAH: Pernah diuar-uaran sebagai destinasi baharu pelancongan di Lembah Kinta, pusat perniagaan berasaskan keindahan tasik dan alam semula jadi, Premium Outlet Perak di sini terus jadi tanda tanya.

Ini kerana secara fizikalnya, pembinaan gedung beli belah berkonsepkan alam semula jadi iaitu 'Silverlake Brand Village Outlet' di sini sudah siap, malah, gedung perniagaan itu sebelum ini dikatakan sepatutnya dibuka

pada hujung tahun 2020.

Namun, sehingga kini gedung beli belah itu belum dibuka untuk operasi perniagaan.

Menurut pelan, gedung perniagaan itu dibina di kawasan seluas 13.35 hektar, selain gedung beli belah, Silverlake Brand Village Outlet bakal dibina hotel dan kediaman.

Perkampungan atau rumah kartunis terkenal negara, Datuk Lat juga didirikan di kawasan itu, namun, sehingga kini belum dibuka kepada umum.

Kedua-dua itu menimbulkan pertanyaan dalam kalangan

warga Perak.

"Rasa-rasanya bila agaknya Silverlakes Premium Outlet Batu Gajah, Perak ni nak buka? Sepatutnya Outlet Park ni dah lama dibuka," demikian kata seorang pengguna media sosial.

Sementara itu, jurucakap Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) berkata, projek berkenaan bukan dilaksanakan oleh pihaknya.

"MDBG hanya memberi kelulusan pelan dan infra dan ia sudah selesai. Syarikat yang bertanggungjawab terhadap Silverlakes Premium Outlet ialah Silverland Capital," katanya.

Utusan Malaysia | 7 April 2022 | Page 10

Bekas pengarah ICU JPM Pulau Pinang kekal dipenjara

PUTRAJAYA: Bekas Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) Pulau Pinang, Mohd. Noor Rejab kekal dipenjara selepas Mahkamah Rayuan di sini semalam sebut suara menolak rayuannya dan mengekalkan sabitan salah atas kesalahan membabitkan rasuah.

Bagaimanapun, lelaki berusia 60 tahun itu bernasib baik apabila panel tiga hakim yang dikenai Datuk Seri Kamaludin Md. Said dan bersidang bersama-sama Datuk Ahmad Nasfy Yasin dan Datuk Hashim Hamzah meminda hukuman penjara tiga tahun yang dikenakan terhadapnya sebelum ini kepada penjara 15 bulan.

Hukuman penjara tersebut diperintahkan berkuat kuasa semalam. Sebaik sahaja mahkamah berhenti bersidang, Mohd. Noor terus berpelukan dengan seorang wanita dipercaiay anaknya.

Terdahulu, Hakim Kamaludin ketika membacakan penghakiman ringkasnya menyatakan, dapatan oleh mahkamah-mahkamah sebelum ini berdasarkan berdasar-

kan fakta dan tiada alasan yang ditemukan bagi membolehkan Mahkamah Rayuan mengganggu keputusan terdahulu.

Pada 18 Mei 2018, Mohd. Noor disabitkan oleh Mahkamah Sesyen Georgetown atas kesalahan menggunakan jawatannya bagi mendapatkan suapan dengan memperakuan baucar bayaran bagi pembekalan lot makmal untuk pembantuan makmal di seluruh sekolah Pulau Pinang bernilai RM26,162.50 kepada Syarikat Nur Ehsan Maju Enterprise, yang turut mempunyai kepentingan terhadap dirinya.

Ketika melakukan kesalahan itu, Mohd. Noor memegang jawatan sebagai Ketua Sektor Khidmat Pengurusan Pembangunan di Jabatan Pendidikan Pulau Pinang.

Bagi pertuduhan ini, Mohd. Noor didakwa mengikut Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut yang lebih tinggi.

UTUSAN MALAYSIA | 07 APRIL 2022 | MS 10

Pegawai JPJ minta rasuah dijel 14 hari, denda RM17,500

SEREMBAN: Seorang pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dipenjara 14 hari dan denda RM17,500 selepas mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen Seremban di sini semalam atas pertuduhan meminta rasuah RM3,500 untuk tidak mengambil tindakan atas kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987.

Hakim Rushan Lutfi Mohamed menjatuhkan hukuman itu selepas tertuduh, Mohd. Najmi Zakaria, 38, yang berkhidmat 14 tahun di JPJ mengaku bersalah atas pertuduhan yang dibacakan juruh basi mahkamah.

Mahkamah kemudian menetapkan Mohd. Najmi dijatuhki hukuman penjara 14 hari bermulai dari tarikh tangkap Su ruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) pada 28 Mac lalu, dan jika gagal membayar denda boleh dipenjara tiga bulan.

Mengikut pertuduhan, tertuduh yang ketika kejadian ber-



MOHD. NAJMI ZAKARIA dibawa ke Mahkamah Sesyen Seremban semalam atas pertuduhan meminta rasuah - sebanyak RM3,500 untuk tidak mengambil tindakan atas satu kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987. - UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

tugas sebagai Pegawai Pemeriksa Kereta Motor Gred AB29 JPJ Negeri Sembilan didakwa secara rasuah meminta suapan

iaitu wang berjumlah RM3,500 daripada pemilik syarikat Lukut Agency.

Wang itu sebagai dorongan

bagi dirinya yang merupakan pegawai badan awam untuk tidak mengambil tindakan penguatkuasaan berkaitan lapan

buah kendaraan yang tidak mematuhi notis di bawah Seksyen 61(i) APJ 1987.

Kesalahan itu dilakukan di sekitar Seremban antara 13 Februari 2018 hingga 31 Mei 2019.

Sehubungan itu, tertuduh didakwa di bawah Seksyen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(i) akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dipenjara tidak lebih 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Mahkamah bagaimanapun meskipun dan membebaskan tertuduh bagi satu lagi pertuduhan lain di bawah Seksyen 171A Kanun Prosedur Jenayah, selepas mengambil kira pengakuan bersalah serta persetujuan pihak pendakwaan dan tertuduh untuk menggunakan pakai TIC (Take Into Consideration).

Ambrin ada kuasa penuh sedia laporan audit 1MDB

Oleh SUWARNI MOKHTAR
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Bekas Ketua Audit Negara Tan Sri Ambrin Buang mempunyai kuasa penuh dalam penyediaan laporan audit syarikat pelaburan negara, 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Tan Sri Dr. Madinah Mohamad yang mengambil alih jawatan tersebut selepas Ambrin bersara turut bersetuju dengan cadangan peguam belia, Datuk S. Sivananthan bahawa Ambrin boleh menggunakan pakai budi bicaranya sepenuhnya mengikut kehendaknya.

Sivananthan: Setuju atau tidak bahawa pasukan audit tidak boleh mengarahkan juruaudit untuk memadamkan apa-apa di dalam laporan?

Madinah: Setuju.

Sivananthan: Setuju atau tidak bahawa pasukan audit hanya boleh mencadangkan apa perkara yang boleh dimasukkan atau dipadamkan dalam sesuatu laporan.

Madinah: Setuju.

Sivananthan: Setuju atau tidak bahawa pada penghujung



AMBRIN BUANG



MADINAH MOHAMAD

harinya, adalah bergantung kepada budi bicara juruaudit untuk memasukkan atau memadamkan sesuatu di dalam laporan?

Madinah: Setuju.

Saksi pendakwaan ke-12 itu berkata demikian ketika disoal balas oleh Sivananthan yang mewakili bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Arul Kanda Kandasamy dalam perbicaraan kes memindah laporan akhir pengauditan 1MDB membabitkan be-

kas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Madinah dilantik sebagai Ketua Audit Negara pada 2017 dan memegang jawatan tersebut sehingga 2019.

Najib, 68, didakwa menggunakan kedudukannya untuk mengarahkan pindaan dilakukan terhadap laporan akhir pengauditan 1MDB sebelum dibentangkan kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC), bagi menge-

lakkan tindakan terhadap beliau.

Arul Kanda, 45, pula didakwa bersubhat dengan Najib dalam membuat pindaan berkenaan bagi melindungi Ahli Parlimen Pekan itu daripada tindakan tatatertib, sivil atau jenayah berkaitan 1MDB.

Selain itu, Madinah turut setuju dengan Sivananthan bahawa Ambrin merupakan individu yang sesuai untuk disoal mengenai perubahan laporan audit tersebut.

Beliau bagaimanapun tidak mengetahui Ambrin pernah menyatakan laporan audit 1MDB di-kawal penuh oleh lelaki terbabit.

Pada 30 Oktober 2018, Ambrin dalam Sidang Anti Rasuah yang dianjurkan oleh Transparency International Malaysia (TI-M) dan Aram Global Sdn. Bhd. di sebuah hotel di ibu negara menafikan beliau mengubah laporan asal 1MDB.

Beliau bagaimanapun men-gaku laporan 1MDB berkenaan adalah miliknya dan mempunyai kawan sepenuhnya.

Perbicaraan yang didengar oleh Hakim Mohamed Zaini Ma-zlan bersambung 20 Mei ini.

18 APRIL 2022 | MUKA SURAT : 12

Projek LCS: Malaysia perlu runding segera

PETALING JAYA: Rundingan antara Malaysia dan Perancis berhubung projek pembinaan kapal tempur pesisir (LCS) perlu dilakukan supaya dapat mengenal pasti masalah yang wujud, seterusnya memastikan projek itu dapat dijayakan mengikut masa ditetapkan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, geostrategis, Prof. Dr. Azmi Hassan bekata, bagi mengelakkan projek tersebut tergendala sekali lagi, pihak pembeli dan pembuat perlu berunding agar mencapai kata sepakat.

Katanya, lebih lambat negara memperoleh kapal tempur tersebut boleh merencatkan sistem pertahanan kerana ia penting untuk keselamatan per-sisiran khususnya di laluan selat



AZMI HASSAN

Melaka.

"Kemungkinan besar punca utama menyebabkan LCS tergendala adalah berhubung sepsifikasi dan harga projek berkenaan. Untuk mengelak kelewatan sama terjadi lagi,

kedua-dua pihak perlu berunding untuk mengetahui masalah berkait dengan projek tersebut.

"Bagaimanapun saya berpendapat badan pemantau atau pihak ketiga tidak diperlukan dalam projek ini kerana secara teknikalnya Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) lebih tahu akan apa yang merekakehendaki," katanya ketika dihubungi.

Terdahulu, Duta Perancis ke Malaysia, Roland Galharague memaklumkan, Perancis akan memberi komitmen untuk meruskan projek LCS yang mengalami kelewatan 39.52 peratus atau 43 bulan.

Malah, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussien turut menyatakan has-

rat sama iaitu bagi meminta bantuan menyelesaikannya.

Azmi berkata, kegagalan memastikan LCS siap mengikut masa ditetapkan akan merencatkan keselamatan negara di bahagian pesisir pantai sedangkan negara mempunyai banyak kawasan seperti itu.

"Kalau lihat di bahagian timur Sabah, di Laut Sulu kita mempunyai banyak ancaman dan ketiadaan kapal tersebut mengakibatkan sistem pertahanan negara kelihatan agak longgar dan terdedah kepada bahaya.

"Untuk memperkuat sistem pertahanan negara, kita perlukan projek tersebut dikendali dengan baik. Ia juga dapat memberi keuntungan negara-negara pesisir seperti Malaysia, Indonesia dan Filipina" ujarnya.

27 APRIL 2022 | MUKA SURAT : 1, 2

Utusan
Malaysia

RM5 bilion selenggara kerosakan banjir - PM

Oleh JUANI MUNIR ABU BAKAR
juani.bakar@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan Persekutuan telah menambah baik pemberian dan sokongan kepada kerajaan negeri pada tahun ini termasuk memberi kelonggaran tambahan dalam penggunaan peruntukan Pemberian Penyelenggaraan Jalan Negeri (Marris) sebanyak RM5 bilion.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, ia bagi membiayai kerja-kerja penyelenggaraan, pembaikan, penggantian dan pengubahsuai jalan, jambatan, longkang, pembentung serta cerun yang rosak akibat banjir.

Bersambung di muka 2

RM5 bilion selenggara kerosakan banjir - PM

Dari muka 1

Katanya, Kerajaan Persekutuan amat prihatin ke atas situasi dihadapi oleh negeri-negeri ketika pasca banjir Monsun Timur Laut yang berlaku sebelum ini.

"Kerajaan Persekutuan juga bersetuju untuk mengkaji semula pemberian Marris supaya peruntukan tersebut dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh kerajaan negeri dengan memperluaskan lagi skop perbelanjaan Marris untuk merangkumi penyelenggaraan jalan seperti di bawah Lemba Kemajuan Pertanian negeri.

"Sehubungan itu, Kerajaan Persekutuan bersedia membuat pindaan garis panduan dan perundangan yang berkaitan untuk meluaskan skop penggunaan Pemberian Marris," katanya dalam kenyataan semalam.

Perkara itu merupakan hasil perbincangan Mesyuarat Majlis Kewangan Negara yang dipengerusikan Ismail Sabri dan dihadiri Menteri Besar serta wakil Ketua Menteri dari semua negeri bertujuan untuk menambahbaik pemberian dan sokongan kepada negeri pada tahun ini.

Dalam pada itu, Ismail Sabri memaklumkan, peruntukan pindahan fiskal ekologi diperangkat daripada RM70 juta kepada RM100 juta sebagai insentif khusus kepada negeri-negeri yang mewartakan kawasan baru untuk dilindungi.

Beliau menjelaskan, insentif kewangan kepada kerajaan-kerajaan negeri itu adalah bagi men-



BANJIR menyebabkan banyak jalan raya dan kemudahan awam rosak dan memerlukan pembaikan segera.

ingkatkan usaha pemeliharaan serta pemuliharaan kawasan biodiversiti daratan dan marin serta diberi sama insentif kewangan.

Selain itu, katanya, caruman RM330 juta dalam Kumpulan Wang Rizab Negeri bagi membiayai Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup atau Tahap.

"Jawatankuasa akan ditubuhkan dengan dipengerusikan Ketua Setiausaha Perbendaharaan bagi membuat semakan semula formula pengiraan, kriteria dan kaedah pengagihan bagi Pemberian Tahap.

"Ini menunjukkan komitmen Kerajaan Persekutuan dalam menyediakan peluang kepada Kerajaan Negeri untuk melaksanakan projek pembangunan mengikut keutamaan dan keperluan negeri untuk dilindungi.

masing-masing," ujar beliau.

Menurut Perdana Menteri, semua langkah itu bagi memperkuatkannya lagi momentum pemuliharan ekonomi Keluarga Malaysia apabila Kerajaan Persekutuan sentiasa komited dalam memastikan hubungan dengan kerajaan negeri sentiasa berada dalam tahap yang terbaik.

Katanya, hasrat itu dimanifestasikan melalui peningkatan peruntukan yang disalurkan dalam pelbagai bentuk pembelian kepada kerajaan negeri pada setiap tahun.

"Oleh yang demikian, Kerajaan Persekutuan berharap pemberian-pemberian ini dimanfaatkan sepenuhnya oleh kerajaan negeri terutamanya dalam memastikan kebijakan serta kesejahteraan Keluarga Malaysia sentiasa terpelihara," katanya.